

untuk mempertahankan dengan jihadnya tanah suci yang mulia itu sebagai jihad umat Islam seluruhnya. Dengan perjanjian menyokong dan membantu kerajaan-kerajaan Arab oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia itu sudah pada tempatnya. Sekarang Malaysia menyertai negara-negara Arab untuk menjadi duta-dutanya daripada Jerman Barat yang mempersenjatai Israel untuk menindas Arab dan Islam Palestin itu.

Kita berharap akan melihat dengan segera langkah-langkah yang tegas akan diambil oleh kerajaan Malaysia yang agama rasminya agama Islam.

-----O-----

Melalui Jalan Hidup

Saya harap saudara dapat memikirkan hidup ini seperti gelas pengukur waktu. Saudara tahu bahawa di dalam gelas itu terdapat ribuan butir pasir halus, ini semua perlahan-lahan melintasi bahagian-bahagian yang genting di pinggang gelas itu. Tidak seorang pun dari kita, baik saudara atau saya yang melintaskan lebih dari satu butir pasir halus itu melalui bahagian yang genting itu tanpa merosakkan gelas pengukur waktu sendiri.

Saudara dan saya dan juga orang-orang lain adalah seumpama gelas pengukur waktu itu. Kalau kita mulai tugas kita pada pagi hari, maka di hadapan kita tertumpu beratus-ratus macam pekerjaan yang harus kita selesaikan pada hari itu. Tetapi kalau kita tidak menyelesaikan satu persatu pada satu saat dengan sabar dan tawakal, seperti halnya butir-butir pasir halus tadi satu persatu melintasi lubang sempit di bahagian yang genting dari gelas pengukur waktu itu, maka kalau bukan jasmani kita, jiwa kitalah yang akan rapuh. (Oleh Ted Bengermينو)



Thailand turut juga menghantar wakilnya di dalam Peringkat Antarabangsa Peraduan al-Qur'an tahun ini. Gambar menunjukkan qariah Che Fatimah binti Abdullah sedang membaca ayat suci al-Qur'an.



Lagi seorang qariah dari Kemboja yang turut mengambil bahagian dalam Peraduan al-Qur'an Peringkat Antarabangsa tahun ini.